



18 Februari 2016
18 February 2016
P.U. (B) 67

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH
BAGI MAKSUD AWAM

*NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION
OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Pemberitahuan No. 8250/1923 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 14 Disember 1923, pada menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh seksyen 9 Enakmen Tanah 1911, Residen Selangor telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang terletak di Mukim Setapak, yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. 15,334 yang disimpan di Pejabat Penguasa Ukur Hasil Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud tapak kawasan pembakaran mayat bagi kaum India Selatan dan Ceylon yang disenggarakan oleh V. Suppiah dan V. K. Chinniah atau mana-mana pengganti yang hendaklah dilantik oleh Residen sebagai pemegang amanah bagi orang India Selatan dan masyarakat Ceylon:

DAN BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 108/2003 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepadanya, memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam suatu siasatan yang akan